



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

2021 - 2025



PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) INSTUN 2021 – 2025. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Pembangunan OACP INSTUN dan warga INSTUN secara keseluruhannya yang telah memberikan komitmen dan kerjasama dalam menerbitkan pelan ini.

OACP adalah satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pembangunan pelan ini merupakan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam seperti mana digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu yang bermatlamat mewujudkan negara bebas rasuah.

INSTUN sebagai sebuah institut latihan awam terulung dalam bidang tanah, ukur dan teknologi maklumat berkaitan di negara ini menyambut baik seruan Kerajaan dalam memastikan pengurusan pentadbiran jabatan adalah bebas dari amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam mencapai aspirasi nasional iaitu “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

Integriti merupakan sebahagian dari Nilai dan Falsafah yang terkandung dalam Pelan Strategik INSTUN 2021-2025. Kejayaan awal telah dicapai dengan status Penarafan Semula Risiko Agensi Tahun 2020 oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah menetapkan bahawa INSTUN adalah dalam kategori agensi berisiko rendah.

Unit Integriti sebagai peneraju utama agenda integriti di jabatan ini dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan semua inisiatif yang telah dirangka di bawah OACP INSTUN 2021-2025 dengan matlamat membudayakan integriti dalam kalangan warga INSTUN ke arah mencapai penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Akhirul kalam, saya mendoakan agar seluruh warga INSTUN sentiasa berwaspada dan menghindarkan diri dari terlibat dengan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang dapat merosakkan diri sendiri, perkhidmatan awam dan negara.

Sekian. Terima kasih.



KHAIRIN NAZRY BIN KARIM
Pengarah, INSTUN



“Tanpa **Integriti**, kita
tidak melakukan
sesuatu dengan betul.
Tanpa **Integriti**,
kita tidak akan
jujur”

*Petikan Ucapan Penutup Konvensyen
Integriti Nasional 2021 (KIN 2021)*

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
Perdana Menteri Malaysia



PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) INSTUN 2021-2025 merupakan satu dasar antirasuah peringkat jabatan yang mencerminkan komitmen INSTUN untuk membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di samping mewujudkan persekitaran organisasi yang berintegriti serta mempunyai tadbir urus dan governans yang baik.

Pembangunan pelan ini adalah selaras dengan Strategi 2, Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di mana keperluan membangunkan OACP peringkat organisasi adalah mandatori dalam tempoh lima tahun bermula dari tarikh NACP / Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 dikeluarkan.

Kerangka dasar dan strategi bagi mewujudkan OACP INSTUN 2021-2025 ini terhasil melalui siri perbincangan antara Unit Integriti bersama Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Antirasuah (JAR) INSTUN, dapatan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan penyertaan Bengkel Pembangunan OACP anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) oleh ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP INSTUN bagi mendapatkan kefahaman yang jitu berkenaan intipati OACP jabatan yang ideal merangkumi pelbagai isu dalaman di setiap bahagian yang berkaitan dengan kelemahan integriti, penambahbaikan tadbir urus yang lebih efisien dan sikap serta peranan yang perlu dimainkan oleh setiap warga bahagian dalam mengekalkan kecemerlangan INSTUN sebagai agensi berisiko rendah (berdasarkan penarafan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)).

Justeru pengurusan tertinggi INSTUN dengan ini komited dan beriltizam dalam memastikan semua inisiatif yang dirancang dapat mencegah penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah secara tuntas di jabatan ini. Semua warga INSTUN adalah diseru secara muafakat dalam merealisasikan pelaksanaan OACP INSTUN 2021-2025 dengan telus, akauntabiliti dan berintegriti.




JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

Jawatankuasa Pembangunan OACP INSTUN telah ditubuhkan bagi menjalankan fungsi dan peranan seperti di bawah:-

1. Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani sebarang potensi risiko rasuah dengan lebih jelas dan berkesan;
2. Menyediakan pelan yang meliputi aspek tadbir urus, integriti dan rasuah dalam organisasi;
3. Melantik pegawai pelaksana tetap untuk memantau pelaksanaan pelan tindakan pada peringkat bahagian atau unit masing-masing; dan
4. Melaksanakan program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program tersebut.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah INSTUN selaku Ketua Jabatan dan diurus setiakan oleh Unit Integriti jabatan ini. Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil dari setiap bahagian di INSTUN yang juga merupakan pegawai Unit Khidmat Pengurusan di bahagian masing-masing.



Perbincangan Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP INSTUN



Bengkel Penyediaan OACP Bersama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia





“Kementerian memerlukan sokongan dan komitmen penuh semua pihak dalam menjayakan usaha meningkatkan nilai integriti”

RINGKASAN EKSEKUTIF

OACP INSTUN 2021-2025 memfokuskan kepada 1 bidang keutamaan dengan 1 strategi dan diterjemahkan menerusi 15 inisiatif yang telah dikenalpasti.

Setiap inisiatif yang dirancang mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemeraksanaan pencegahan rasuah. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya maka perhatian dan tindakan terhadap pengukuhan struktur organisasi, penambahbaikan sistem (teknologi), perubahan dasar, pemantauan dan pemantapan modal insan perlu diberi perhatian serius.



KANDUNGAN



BAB: 1 PENGENALAN	1 - 6
Latar Belakang INSTUN	
Visi	
Misi	
Fungsi Utama INSTUN	
Bahagian-Bahagian di INSTUN	
Nilai dan Falsafah	
Teras dan Hala Tuju Strategik	
Pelan Strategik INSTUN	
BAB: 2 RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM	8 - 15
Analisis Data dan Penilaian Risiko	
Bidang Keutamaan	
BAB: 3 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH	16 - 22
Keperluan Kerangka OACP INSTUN	
Visi OACP	
Misi OACP	
Matlamat	
Bidang Keutamaan	
Strategi	
BAB: 4 TADBIR URUS OACP	23 - 26
Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan	
Struktur Tadbir Urus Pemantauan OACP INSTUN	
Mekanisme Penyelarasan dan Penilaian	
KESIMPULAN	28
PENGHARGAAN	29





BAB: 1 **PENGENALAN**





LATAR BELAKANG INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah ditubuhkan pada 01 Mei 1998 melalui arahan Jemaah Menteri pada 9 Julai 1997. Penubuhan INSTUN adalah gabungan Seksyen Latihan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan dan Seksyen Latihan, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Penstrukturan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 telah meletakkan INSTUN di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

INSTUN mula beroperasi di kampus / pejabat tetapnya di Behrang Ulu, Tanjong Malim, Perak pada awal tahun 2002. INSTUN merupakan satu-satunya Institut Latihan Awam (ILA) di Malaysia yang telah diberi mandat serta bertanggungjawab untuk melatih kakitangan yang terlibat dalam urusan pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan.

VISI

Pusat Kecemerlangan Latihan dan Pembangunan Kompetensi dalam Bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan Serta Teknologi Maklumat yang berkaitan.

MISI

Meningkatkan kecemerlangan modal insan dan organisasi dalam Bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan serta memacu pembangunan negara melalui penyediaan program pembelajaran dan pembangunan berkualiti tinggi.

FUNGSI UTAMA INSTUN

PEMBANGUNAN PROGRAM LATIHAN DAN PEMBELAJARAN

Membangun dan menguruskan modal insan perkhidmatan awam melalui penambahbaikan proses dan prosedur kerja pengurusan latihan yang berkesan dan efisien.

PUSAT PENYEBARAN MAKLUMAT DAN RUJUKAN UTAMA DALAM BIDANG TANAH DAN UKUR

Memastikan sumber bahan yang berkualiti berkenaan bidang pentadbiran dan perundangan tanah serta ukur dan pemetaan.

BAHAGIAN-BAHAGIAN DI INSTUN

1

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Merancang, mentadbir, mengawal dan menyelaraskan urusan pentadbiran dan perkhidmatan.

2

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Merancang dan menjalankan penyelidikan serta kajian keberkesanan latihan dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat.

3

BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH

Merangka dan melaksanakan Program Latihan Pengurusan dan Perundangan Tanah serta menyediakan khidmat nasihat berkaitan pengurusan dan perundangan tanah.

4

BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN


Merangka program latihan serta kajian untuk meningkatkan kemahiran tenaga pengajar dan kakitangan Bahagian Ukur dan Pemetaan.

5

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Merancang, melaksana dan meningkatkan kemudahan pusat kecemerlangan ICT INSTUN serta membangun dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi berkaitan.

NILAI DAN FALSAFAH



 INSTUN berusaha untuk menjadi lebih kompeten, progresif dan berpandangan jauh – sentiasa bersedia menyampaikan perkhidmatan kepada para pemegang taruh (*stakeholder*) kami.

 Kami adalah organisasi yang boleh dipercayai, menegakkan integriti dan akauntabiliti yang menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat dengan penuh hormat, empati dan ikhlas.

 INSTUN menghargai dan mendorong semangat kerja berpasukan serta meraikan kejayaan pasukan dan individu di mana warga kerja INSTUN diperkasa untuk menyampaikan perkhidmatan dan menyumbang tenaga.

 Kami adalah rakan strategik yang memberi kerjasama yang baik dengan institusi pembelajaran lain dan komited terhadap tahap profesionalisme dan kod etika yang tinggi.

TERAS DAN HALA TUJU STRATEGIK



PETA STRATEGIK INSTUN

(BERDASARKAN **VISI** DAN **MISI** INSTUN)



“Hanya nilai **integriti**,
kejujuran dan **amanah**
yang kukuh dalam diri
seseorang dapat
menangkis **godaan**
rasuah serta
salah guna kuasa”

Petikan Berita Harian, 14 Februari, 2020


Datuk Seri Mohd Zuki Ali
Ketua Setiausaha Negara (KSN)





BAB: 2

RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM



RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam masih berlaku walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung gejala ini. Statistik yang dikeluarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan peningkatan dari segi tangkapan, pertuduhan dan sabitan di mahkamah ke atas penjawat awam sejak lima tahun kebelakangan ini (2015-2020). Pada tahun 2020, ketika negara sedang bergelut menangani pandemik COVID-19, sebanyak 422 kertas siasatan dibuka terhadap penjawat awam sahaja, yang membabitkan 467 kes tangkapan, 256 pertuduhan kes di mahkamah dan 91 kes sabitan yang membabitkan penjawat awam. Jumlah kes rasuah yang melibatkan penjawat awam meskipun kecil (jika dibandingkan dengan populasi penjawat awam secara keseluruhan), sekiranya ia dibiarkan, dikhuatiri menjadi barah yang merosakkan perkhidmatan awam negara secara keseluruhan.

Faktor utama gejala rasuah masih berlaku dalam perkhidmatan awam adalah disebabkan wujudnya ruang dan peluang yang terbuka luas, selain sikap tamak dan tidak berintegriti. Peluang wujud apabila berlaku kelemahan dalam sistem sedia ada. Contoh, kelulusan atau perkhidmatan lambat kerana banyak kerenah birokrasi menyebabkan ada pelanggan yang sanggup memberi rasuah untuk mendapatkan khidmat segera. Selain itu, terdapat kes di mana perbuatan rasuah oleh pegawai diketahui oleh ketua jabatan, namun tidak dilaporkan bagi menjaga imej jabatan dari tercalar. Perasaan kasihan terhadap pegawai yang mempunyai tanggungan, ahli keluarga yang sakit dan individu terbabit adalah rakan satu pengambilan sewaktu mula menyertai perkhidmatan awam juga merupakan antara punca rasuah sukar dibendung dalam perkhidmatan awam hingga ke hari ini.

Kerajaan membangunkan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 sebagai satu manifestasi memerangi rasuah secara holistik selaras dengan Artikel 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (UNCAC). Intipati NACP di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Perkhidmatan Awam telah mewajibkan pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) oleh semua jabatan dan agensi bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Penggiliran tugas atau pusingan kerja yang melibatkan jawatan sensitif seperti perolehan, pelesenan, penguatkuasaan dan kewangan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 Panduan Pertukaran Pegawai Awam merupakan usaha yang dilakukan untuk meminimumkan risiko salah laku rasuah dalam kalangan penjawat awam. Berdasarkan Peraturan 3C P.U.(A) 395/1993, tiap-tiap pegawai adalah bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera. Kegagalan menjalankan tanggungjawab ini hendaklah disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas serta tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

INSTUN selaku Institut Latihan Awam (ILA) di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sentiasa menyantuni seruan dan usaha Kerajaan dalam memerangi gejala rasuah dari terus berakar umbi dalam perkhidmatan awam. Segala usaha dan tindakan perlu akan dilakukan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan mengutamakan kepentingan rakyat.

“Jika wujud masalah **rasuah**, ia akan merugikan negara dalam pencegahan **rasuah**, JPA melaksanakan pusingan kerja terhadap penjawat awam di jawatan strategik yang boleh mengundang **penyalahgunaan kuasa**”

Petikan Berita Harian, 13 April 2022

YBhg. Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



**LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
KEPADA KETUA JABATAN BERKENAAN KESALAHAN RASUAH,
PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM**



A

**MEMINTA DAN MENERIMA RASUAH ATAU TIDAK
MELAPORKAN PENAWARAN SOGOKAN;**

B

**MENGGUNAKAN KEDUDUKAN ATAU JAWATAN
AWAM UNTUK KEPENTINGAN DIRI;**

C

**MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU ATAU
PENGESAHAN YANG MENGANDUNGI BUTIRAN
PALSU BERTUJUAN MENGELIRUKAN
PRINSIPALNYA (MAJIKAN);**

D

**TIDAK MELAKSANAKAN TUGAS DAN TIDAK
MENGIKUT PROSEDUR JABATAN (INGKAR
PERINTAH); DAN**


E

**BERSIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, CUAI
DAN MELAKUKAN PENYELEWENGAN DALAM
MELAKSANAKAN TUGAS YANG MELIBATKAN
KEWANGAN JABATAN.**

STATISTIK TANGKAPAN SPRM TAHUN 2021 DI KALANGAN PENJAWAT AWAM

BULAN	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Jan-21	0	5	14	19
Feb-21	2	14	34	50
Mac-21	3	20	77	100
Apr-21	0	13	24	37
Mei-21	0	2	2	4
Jun-21	0	21	18	39
Jul-21	0	19	25	44
Ogos-21	0	10	27	37
Sep-21	0	12	30	42
Okt-21	0	7	24	31
Nov-21	0	1	4	5
Dis-21	0	0	3	3

STATISTIK TANGKAPAN SPRM TAHUN 2021 DI KALANGAN PENJAWAT AWAM



ANALISIS DATA DAN PENILAIAN RISIKO

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) INSTUN 2021-2025 melibatkan pengumpulan data dan penilaian risiko dari pelbagai sumber dalam menentukan bidang keutamaan yang perlu diberikan perhatian untuk merangka inisiatif dan strategi yang tepat bagi membendung potensi rasuah dan isu integriti yang mungkin berlaku di jabatan ini.

Inisiatif Dan Syor Yang Dikemukakan Oleh Kerajaan Melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023



Dapatan Bengkel *Corruption Risk Management* (CRM) diadakan pada tahun 2019 melibatkan bahagian-bahagian di INSTUN



Initipati Pelan Strategik INSTUN 2021-2025



Statistik Laporan Tatatertib Tahunan INSTUN 2018 – 2021



Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2017-2021



Dapatan daripada Kaji Selidik Isu Integriti, Governans dan Rasuah Yang Telah Dijalankan Di Kalangan Warga INSTUN

BIDANG KEUTAMAAN

KHIDMAT PENGURUSAN YANG BERDAYA SAING

Bidang keutamaan ini merujuk kepada salah satu teras dalam Pelan Strategik INSTUN 2021-2025 yang meliputi pelbagai aspek seperti tadbir urus, perolehan awam, keselamatan premis, pengurusan kewangan dan aset jabatan.

INSTUN sentiasa komited dalam menyediakan khidmat pengurusan yang terbaik kepada klien dan warganya tanpa berkompromi dengan sebarang anasir penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa.

A black and white portrait of Albert Camus, looking directly at the camera with a serious expression. He is wearing a dark suit jacket, a light-colored shirt, and a patterned tie. The background is dark and out of focus.

“**Integriti** adalah suatu jalan lurus dan tidak memerlukan peraturan untuk bersikap jujur dan tulus. Ia juga tidak mempunyai motif untuk menjadi seseorang yang **berintegriti**. Ia semestinya sudah tertanam di dalam diri sendiri.”

*Albert Camus,
Ahli Falsafah Perancis.*




BAB: 3

MEMPERKASA

USAHA

PENCEGAHAN

RASUAH




KEPERLUAN KERANGKA OACP INSTUN

Usaha membendung gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dari bertunas di INSTUN merupakan agenda utama yang sentiasa diberikan perhatian oleh pihak pengurusan. Pembangunan OACP merupakan salah satu langkah yang diambil melalui penyediaan pelan yang komprehensif merangkumi tindakan (inisiatif) yang perlu dilaksanakan oleh INSTUN dalam memastikan segala potensi risiko yang dikenalpasti iaitu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dapat dibanteras sejak awal.

VISI	KE ARAH MELAHIRKAN WARGA INSTUN YANG BERINTEGRITI DAN BEBAS DARI RASUAH DAN PENYELEWENGAN
MISI	MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI BERDASARKAN TADBIR URUS YANG BAIK
MATLAMAT	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN BERPANDUKAN ARAHAN DAN PEKELILING YANG BERKUATKUASA
BIDANG KEUTAMAAN	KHIDMAT PENGURUSAN YANG BERDAYA SAING
STRATEGI	MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DALAM TADBIR URUS JABATAN
OBJEKTIF STRATEGIK	1. MEMASTIKAN PEMATUHAN PERATURAN, PEKELILING DAN ARAHAN YANG BERKUATKUASA 2. MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET JABATAN MENERUSI PENINGKATAN KOMPETENSI DAN PEMANTAUAN YANG LEBIH RAPI 3. MEMASTIKAN PULANGAN BEKALAN / PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DITERIMA OLEH JABATAN 4. MENGURANGKAN RISIKO KEBOCORAN MAKLUMAT TERPERINCI BERKENAAN SEBUTHARGA / TENDER JABATAN MELALUI PENDIDIKAN DAN KAUNSELING SERTA PUSINGAN KERJA BAGI JAWATAN-JAWATAN SENSITIF 5. MENINGKATKAN KAWALAN PERGERAKAN PELAWAT YANG KELUAR MASUK KAMPUS INSTUN

**PERINCIAN KES TATATERTIB
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
2018 – 2021 (SEHINGGA 31 JULAI 2021)**

STATISTIK KES TATATERTIB



TAHUN	2018	2019	2020	2021
KESALAHAN	1	0	0	0
HUKUMAN	BUANG KERJA	0	0	0


PERSEPSI BERKENAAN RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI

Pembangunan OACP INSTUN 2021-2025 telah mengambil kira pandangan warga INSTUN berkaitan isu rasuah, governans dan integriti melalui soal selidik yang telah dijalankan. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, seramai 95 responden mewakili 67% jumlah keseluruhan pegawai dari ketiga-tiga kumpulan perkhidmatan telah menyertai kajian yang telah dilaksanakan. Julat umur pegawai yang terlibat adalah dari 18 hingga 60 tahun dan telah berkhidmat selama 1 hingga 26 tahun dalam perkhidmatan.

Kajian berkaitan isu rasuah menunjukkan seramai 68.4% responden merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan orang awam / pemegang taruh yang lain. 83.2% responden menyatakan bahawa jawatan dan fungsi mereka sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah. Walau bagaimanapun majoriti pegawai (97.9%) menyatakan mereka tidak pernah ditawarkan atau menerima rasuah untuk melakukan atau tidak melakukan perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi.


Kewujudan undang-undang, polisi dan dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, standard operating procedure (SOP) berserta senarai tugas yang melibatkan jawatan, tugas dan tanggungjawab di organisasi bukanlah sesuatu yang asing bagi responden (95.8%), malah para pegawai tersebut memberikan pengesahan bahawa maklumat yang dibekalkan oleh Jabatan ini adalah mencukupi (92.6%) dan bersetuju untuk mematuhi segala perkara yang dinyatakan di atas dalam melaksanakan tugas harian (98.9%).

JANTINA



■ LELAKI ■ PEREMPUAN

GRED PERKHIDMATAN




■ P & P ■ SOKONGAN I ■ SOKONGAN II

PERSEPSI BERKENAAN RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI


Nilai dan integriti kesemua pegawai (100%) bukanlah taruhan apabila mereka memilih untuk berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti walaupun ianya akan menggugat masa depan, malah memberikan jaminan tidak akan berkompromi dengan tindakan yang melanggar peraturan atau garis panduan yang telah ditetapkan. Berdasarkan fakta-fakta di atas, semua warga INSTUN memahami integriti tanpa sangsi (100%).

UMUR



■ 18-25 TAHUN ■ 26-33 TAHUN ■ 34-41 TAHUN
■ 42-49 TAHUN ■ 50-60 TAHUN

TEMPOH BERKHIDMAT



■ 1 - 5 TAHUN ■ 6 - 10 TAHUN ■ 11 - 15 TAHUN
■ 16 - 20 TAHUN ■ ≥ 21



BIDANG KEUTAMAAN: KHIDMAT PENGURUSAN YANG BERDAYA SAING



PERSEPSI BERKENAAN RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI

BIDANG KEUTAMAAN	KHIDMAT PENGURUSAN YANG BERDAYA SAING	
STRATEGI	MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DALAM TADBIR URUS JABATAN	
OBJEKTIF STRATEGIK	- MEMASTIKAN PEMATUHAN PERATURAN, PEKELILING DAN ARAHAN YANG BERKUATKUASA - MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET JABATAN MENERUSI PENINGKATAN KOMPETENSI DAN PEMANTAUAN YANG LEBIH RAPI - MEMASTIKAN PULANGAN BEKALAN / PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DITERIMA OLEH JABATAN - MENGURANGKAN RISIKO KEBOCORAN MAKLUMAT TERPERINCI BERKENAAN SEBUTHARGA / TENDER JABATAN MELALUI PENDIDIKAN DAN KAUNSELING SERTA PUSINGAN KERJA BAGI JAWATAN-JAWATAN SENSITIF - MENINGKATKAN KAWALAN PERGERAKAN PELAWAT YANG KELUAR MASUK KAMPUS INSTUN	
INISIATIF	TEMPOH	PENERAJU
1. PEMERIKSAAN YANG LEBIH TELITI OLEH PENYELIA YANG MENGESAHKAN CUTI SAKIT PEGAWAI YANG KERAP MENGAMBIL CUTI SAKIT	6 BULAN	- BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN - BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH - BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT - BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
2. MENGADAKAN TAKLIMAT / HEBAHAN BERKENAAN TATACARA PEMAKLUMAN CUTI SAKIT KEPADA WARGA INSTUN	6 BULAN	SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
3. MENGADAKAN TAKLIMAT / HEBAHAN BERKENAAN PROSEDUR PERMOHONAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA / ELAUN PERJALANAN / ELAUN PERTUKARAN	6 BULAN	SEKSYEN KEWANGAN
4. MEWAJIBKAN SEMUA PERMOHONAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DILAKUKAN MELALUI SISTEM HRMIS	6 BULAN	UNIT ASET, STOR DAN KENDERAAN
5. MENGEMUKAKAN SALINAN BIL UTILITI KEDIAMAN SEMASA YANG DIDUDUKI OLEH PEGAWAI BAGI MENYOKONG PERMOHONAN ELAUN PERTUKARAN		
6. MENGADAKAN KURSUS PENGURUSAN ASET ALIH / ASET TAK ALIH KERAJAAN		
7. MENAMBAH KEKERAPAN PEMERIKSAAN BERSILANG ASET KERAJAAN	6 BULAN	UNIT INTEGRITI
8. MEMBERIKAN KESEDARAN BERKENAAN KESALAHAN DAN TATATERTIB YANG BOLEH DIAMBIL MENERUSI HEBAHAN POSTER INFOGRAFIK.	6 BULAN	- UNIT PEROLEHAN - PEGAWAI PENERIMA DI SEMUA BAHAGIAN
9. MENDAPATKAN MAKLUM BALAS PEGAWAI PENERIMA BERKENAAN BEKALAN / PERKHIDMATAN YANG DITERIMA.	6 BULAN	UNIT PEROLEHAN
10. MEWAJIBKAN PENYERTAAN KURSUS KEWANGAN / PEROLEHAN KEPADA SEMUA PEGAWAI (BELUM PERNAH HADIR) YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN	6 BULAN	UNIT INTEGRITI
11. MENGENALPASTI PEGAWAI BERISIKO DAN MELAKSANAKAN PROGRAM KAUNSELING	6 BULAN	



BAB: 4

TADBIR URUS

OACP




MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pelaksanaan OACP INSTUN akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan penglibatan pihak Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga INSTUN.

Pemantauan memainkan peranan penting agar usaha memerangi rasuah mendapat kerjasama dan komitmen dari semua bahagian dengan penekanan terhadap ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti untuk mencapai keberhasilan seperti yang dirancang.


Person In Charge atau PIC di setiap bahagian akan dilantik dan bertindak sebagai penyelarasan utama dalam menggerak, memantau dan menilai OACP INSTUN berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan di samping menyediakan pelaporan untuk pembentangan oleh urus setia (Unit Integriti) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat INSTUN yang diadakan sebanyak 3 kali setahun.

STRUKTUR TADBIR URUS PEMANTAUAN OACP INSTUN



MEKANISME PENYELARASAN & PENILAIAN


Keutamaan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat OACP. Dalam mengenalpasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, Ketua Bahagian melalui PIC yang dilantik perlu memainkan peranan dalam memastikan semua aktiviti dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:



Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP INSTUN akan dilaksanakan pada setiap tahun bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani potensi risiko yang dikenalpasti.

Kajian semula OACP INSTUN akan dibuat pada tahun 2024 untuk menentukan keberkesanan pelan tersebut secara holistik.

Penilaian terhadap keberkesanan OACP INSTUN dapat dinilai berdasarkan sasaran dan petunjuk seperti berikut:





KESIMPULAN



KESIMPULAN

Pembangunan OACP INSTUN 2021-2025 ini membuktikan komitmen warga INSTUN bersama-sama dengan Kerajaan dalam mencapai matlamat untuk mewujudkan negara yang bebas rasuah dan dihormati. Walaupun INSTUN dikategorikan sebagai sebuah jabatan yang berisiko rendah, namun INSTUN tetap serius menangani cabaran menangani rasuah dan meningkatkan integriti dalam organisasi.

OACP INSTUN memfokuskan kepada tindakan antirasuah menerusi 15 inisiatif untuk dilaksanakan bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 yang meliputi 1 bidang keutamaan iaitu Khidmat Pengurusan Yang Berdaya Saing. Melalui strategi yang ditetapkan, pelaksanaan OACP INSTUN akan memastikan usaha pencegahan rasuah dan salah laku integriti dalam kalangan pengurusan tertinggi, pegawai dan kakitangan serta pihak yang berkepentingan dapat diperkasakan.

Segala inisiatif yang telah dikenalpasti akan dipantau secara berkala bagi menilai keberkesanan dan kemajuan rancangan OACP INSTUN. Nasihat dan pandangan daripada semua pihak akan didengari dan dipertimbangkan dalam memastikan strategi dan inisiatif yang disusun, kekal relevan dan menjadi rujukan kepada semua warga INSTUN.

Adalah diharapkan segala usaha yang dijalankan ini dapat membudayakan etika kerja yang berintegriti dalam kalangan warga INSTUN bagi mendokong amanah yang dipertanggungjawabkan iaitu menyampaikan perkhidmatan penyediaan latihan dalam bidang tanah, ukur dan teknologi maklumat yang berkaitan yang terbaik dan berkesan kepada penjawat awam.



PENGHARGAAN

YBhg. Dato' Rosli bin Isa

Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

YBrs. Encik Abdul Wahid bin Abu Salim

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tuan Khairin Nazry bin Karim

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara

Encik Zulhasmi bin Mohamad

Ketua Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah
Institut Tanah dan Ukur Negara

Sr Ahmad Azmi bin Hashim

Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan
Institut Tanah dan Ukur Negara

Encik Murad bin Isa

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Institut Tanah dan Ukur Negara

Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Institut Tanah dan Ukur Negara

Encik Mohd Ridzuan bin Mohd Mahyudin

Pendaftar
Institut Tanah dan Ukur Negara

Jawatankuasa Pembangunan OACP INSTUN

Unit Integriti, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)



Rekabentuk oleh :
Seksyen Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Institut Tanah dan Ukur Negara
(INSTUN)

Versi 2.0 (2022)

